



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
HAJI MD ZAIN BIN AB. HAMID  
TOKOH SEJARAH BANGUNAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SULTAN  
IBRAHIM SATU (1)**

**OLEH:**

**NOR AIN IZATI BINTI IBRAHIM**

**2017521373**

**NUR ARINA AYUNI BINTI MOHAMMAD RAZUKI**

**2017927531**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (FEB 2019 – JULAI 2019)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
HAJI MD ZAIN BIN AB. HAMID  
TOKOH SEJARAH BANGUNAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SULTAN  
IBRAHIM SATU (1)

OLEH:

NOR AIN IZATI BINTI IBRAHIM

2017521373

NUR ARINA AYUNI BINTI MOHAMMAD RAZUKI

2017927531

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (FEB 2019 – JULAI 2019)

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum, Alhamdulillah. Pertama-tama bersyukur ke hadrat Illahi dengan limpah dan kurniaNya kami dapat menyiapkan dan menyempurnakan tugas yang telah diberikan oleh pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa Binti Abdullah. Dengan izinNya, kami berjaya menyiapkan tugas yang diberikan dalam waktu yang telah ditetapkan.

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghormatan kepada Cikgu Haji Md Zain Bin Ad. Hamid di atas perkongsian maklumat yang telah diberikan berkaitan tajuk tugas kami iaitu bangunan bersejarah di Kelantan, Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ibrahim Satu (1). Beliau merupakan tokoh yang sangat membantu serta memberikan kerjasama yang baik dalam menjayakan tugas ini.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa Binti Abdullah kerana telah banyak memberi tunjuk ajar serta bimbingan kepada kami bagi subjek IMR604 Pendokumentasian Sejarah Lisan ini. Jasa dan pengorbanan pensyarah kami dalam memberi ilmu dan tunjuk ajar sangat berharga dan tidak ternilai. Bantuan dan nasihat yang diberikan amat berguna sepanjang menyiapkan tugas yang diberikan kepada kami. Jasa beliau akan kami kenang hingga ke akhir hayat kami.

Seterusnya, terima kasih juga kami ucapkan kepada kedua ibu bapa kami kerana tidak jemu dalam memberikan sokongan, dorongan dan semangat kepada kami sepanjang tugas ini berlangsung. Tidak lupa juga kepada kawan-kawan sekelas yang banyak membantu secara langsung mahupun tidak langsung. Akhir sekali, terima kasih kepada mana-mana pihak yang terlibat dalam menyiapkan tugas ini.

Sekian. Terima kasih.

# **ABSTRAK**

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini adalah antara pelajar dan tokoh iaitu Cikgu Haji Md Zain Bin Ab. Hamid mengenai bangunan bersejarah di Kelantan iaitu bangunan di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ibrahim Satu (1). Transkrip temubual ini dijalankan di W2/165C, Lorong Seri Teja, 17000 Pasir Mas, Kelantan iaitu di rumah beliau pada hari Ahad, 5 Mei 2019 bermula jam 2:00 petang. Cikgu Haji Md Zain Bin Ab. Hamid merupakan bekas guru Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ibrahim Satu [SMKSI] yang berkhidmat sebagai guru pada tahun 1977 sehingga tahun 1995 iaitu selama 18 tahun. Beliau merupakan guru yang lama berkhidmat di SMKSI dan mengetahui sejarah bangunan di SMKSI. Temubual ini juga mengisahkan serba sedikit mengenai latar belakang beliau serta salasilah tentang keluarga beliau. Ketika temubual ini dijalankan, kami dapat mengetahui tentang sejarah-sejarah bangunan di SMKSI. Antaranya ialah terdapat salah satu bangunan lama di SMKSI yang pada asalnya merupakan stor simpanan padi dan beras yang telah dibina dan digunakan oleh tentera Jepun. Sekolah ini juga dikenali sebagai 'Sekolah Rumah Padi'. Cikgu Haji Md Zain Bin Ab. Hamid juga ada menyatakan tentang harapan, pandangan, pendapat dan nasihat beliau tentang sejarah bangunan terhadap masyarakat terutamanya kepada generasi muda.*

**Kata kunci:** *Tokoh, guru, bangunan, sejarah, Jepun.*

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	ii
Isi Kandungan.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
<b>Transkrip</b>	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	1 - 9
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan.....	10 - 14
Bahagian 3: Sejarah Pekerjaan.....	15 - 19
Bahagian 4: Sejarah Bangunan SMKSIS.....	20 - 48
Bahagian 5: Bangunan Asrama SMKSIS.....	49 - 59
Bahagian 6: Isu dan Masalah.....	60 - 70
Bahagian 7: Kejayaan.....	71 - 76
Bahagian 8: Lokasi.....	77
Bahagian 9: Harapan.....	78 - 82
Senarai Soalan.....	83 - 89
Log Wawancara.....	90 - 93
Diari Kajian.....	94 - 97
Indeks.....	98 - 100
Rujukan.....	101 - 102
<b>Lampiran</b>	
Gambar.....	
Surat Perjanjian.....	



# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



<b>BIODATA TOKOH SEJARAH BANGUNAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SULTAN IBRAHIM SATU(1)</b>	
<b>Nama</b>	: Haji Md Zain Bin Ab. Hamid
<b>Umur</b>	: 77 Tahun
<b>Status</b>	: Telah Berkahwin
<b>Tempat Tinggal</b>	: W2/165C, Lorong Seri Teja, 17000 Pasir Mas, Kelantan
<b>Bilangan Anak</b>	: 6 orang (2 lelaki 4 perempuan)
<b>Kerjaya</b>	: <ul style="list-style-type: none"><li>• Guru</li></ul>

# PENGENALAN

# PENGENALAN

Transkrip ini mengandungi sesi wawancara bersama Haji Md Zain Bin Ab. Hamid yang telah dijalankan pada hari Ahad, 5 Mei 2019 bermula jam 2.00 petang hingga 4.00 petang bertempat di W2/165C, Lorong Seri Teja, 17000 Pasir Mas, Kelantan. Beliau merupakan bekas guru yang telah berkhidmat lama di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ibrahim Satu (SMKSIS) iaitu pada tahun-tahun 1977 sehingga tahun 1995 iaitu selama 18 tahun.

Transkrip ini menceritakan tentang latar belakang beliau berserta sejarah bangunan sekolah iaitu SMKSIS. SMKSIS merupakan sekolah tertua di daerah Pasir Mas. SMKSIS telah dianugerahkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai sekolah Premier. Bangunan SMKSIS juga bersejarah kerana terdapat salah satu bangunan yang pada asalnya merupakan stor simpanan padi dan beras yang telah dibina dan digunakan oleh tentera Jepun. Sekolah ini juga dikenali sebagai 'Sekolah Rumah Padi'.

Selain itu, beliau juga berkongsi tentang pandangan dan nasihat beliau terhadap generasi kini yang semakin hari semakin membimbangkan. Melalui pengalaman beliau sebagai seorang guru, beliau menasihati kepada generasi muda supaya bijak dalam membuat keputusan dan berfikir dahulu sebelum mengambil tindakan supaya generasi-generasi akan datang tidak menyesal di kemudian hari. Beliau juga berharap generasi muda lebih menghargai sejarah kerana ia sangat bernilai kepada negara kita.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Nor Ain Izati Binti Ibrahim dan Nur Arina Ayuni Binti Mohammad Razuki bersama Haji Md Zain Bin Ab. Hamid mengenai Sejarah Bangunan Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ibrahim Satu (1). Temubual ini dijalankan di W2/165C, Lorong Seri Teja, 17000 Pasir Mas, Kelantan pada 5 Mei 2019. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

HMZ: Haji Md Zain Bin Ab. Hamid

NAA: Nur Arina Ayuni Binti Mohammad Razuki

NAI: Nor Ain Izati Binti Ibrahim

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**NAA : Assalamualaikum cikgu. Kami pelajar dari UiTM Cawangan Kelantan ingin menemuramah cikgu mengenai sejarah bangunan Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ibrahim Satu [SMKSIS]. Sebagai permulaan perbualan kita pada hari ini, boleh cikgu nyatakan nama penuh cikgu?**

**HMZ : Nama saya - - *tok payoh* [tidak perlu] haji *ah dih* [la kan] ni. Md Zain. M-D, Haji Md zain. M-D-Z-A-I-N bin A-B *full stop* [noktah] H-A-M-I-D.**

**NAA** : **Apakah nama panggilan cikgu?**

**HMZ** : Tahu. *sambile* [sambilan] *kalu* [kalau] SIS [Sultan Ibrahim Satu] *boh* [boss] Jeng *ore* [orang] panggil. *boh* [Boss] lah B-O-S-S Jeng. *pasal* [sebab] kita *kane kane huduh huduh situ kei* [penolong kanan di situ]

**NAA** : **Apakah pekerjaan cikgu sekarang?**

**HMZ** : *Ho takdok*. [Ya tiada ] Kerjaae? [pekerjaan] *takde* [tiada] *kerja doh* [dah]. *doh* [dah] pencen. *takde* kerja *sambile* [sambilan] la sebab *umo nyo tujuh puluh tujuh tahun dah* [77]. *Gapo lagih* [apa lagi]?

**NAI** : **Cikgu asal mana eh?**

**HMZ** : Sini. Asal kampung kubang bemban *jale* [jalan] meranti. Kampung kubang bemban *jale* [jalan] meranti Pasir Mas.

**NAA** : **Tempat tinggal cikgu sekarang?**

**HMZ** : Tempat tinggal *W duo palang oblik satu ne limo C* [W2/165C] Huruf besar Lorong Seri Teja, 17000 Pasir Mas.

**NAI** : **Nak tahu tentang ahli keluarga cikgu, pasal ibu bapa , pasal adik beradik**

**HMZ** : *Sayo ado* [saya ada] sembilan adik bradik. Awalnya, pada awalnya *sembile* [sembilan][9] ibu *bapok* [bapa] la, duo [dua][2] ibu *bapok* [bapa]. Jadi skarang ni yang *adonyo* [ada nya] yang meninggal – nati. Ado satu satu duo tigo pat. Ye, Skarang *ado* [ada] pat adik bradik. pat orang. *Limo* [lima] [5] *sudoh* [sudah]

meninggal.

NAI : *Nok* [nak] tahu nama ibu *bapok* [bapa] *cikgu*?

HMZ : Ab. Hamid Bin Yusof, Halimah Binti Awang Hamat

NAA : **Hamat?**

HMZ : H-A-M-A-T

NAA : *Kalu bulih nok tahu namo* [kalau boleh nak tahu nama] *adik bradik cikgu*.

HMZ : *Cikgu ingat ko* [ke]?

*Ha ado* [ya ada] ingat yang yang sulung Habsah Binti Abdul Hamid meninggal

buat kurunge [kurungan] meninggal, *duo* [dua]- -

NAA : **Umur?**

HMZ : *Sayo* [saya]?

NAA : **Yang hamsah. Umur?**

HMZ : Habsah.H-A-B-S-A-H. Umur *dio* [dia] lebih kurang *lapan puluh* [80]. Haa meninggal. Pastu *sayo nombo duo* [saya nombor dua][2]. Md zain Abdul Hamid.

NAI : **Cikgu 77 umur?**

HMZ : *Haa* [ya] 77. Nombor *tigo* [tiga][3] Hazanah. Hazanah binti abdul hamid.



NAA : **Umur?**

HMZ : Umur 75 gitu lah. Meninggal. *Kurunge* [kurungan] meninggal. Lepas Hazanah, Mat Husin. Mohamad Husin Abdul Hamid.

NAA : **Mohamad?**

HMZ : Mohamad Husin. Meninggal *jugok* [juga]. Umur 34. Guru. Bekas guru. Husin-- Mohd Nor. N-O-R. Bin Abdul Hamid *blako* [semua] tu. *Takdok mok* [tiada ibu] lain (ketawa) meninggal - umo 70. Lepas Mohd Nor, Naemah, Naemah N-A-E-M-A-H. Naemah Binti Abdul Hamid. Baru meninggal dalam sebulan lebih *tigo puloh* [tiga puluh] hari lebih kurang. Umur 70 la. *Tu* [itu] suri *rumoh blako* [rumah semua] tu *deh* [ya]. *Hok tino tu suri rumoh blako* [yang perempuan itu suri rumah semuanya]. *Pah* [selepas] Naemah, Mohd Zaki pesara JKR. *Enginia* [Engineer] [Jurutera]. Dia balik England *ni* [ini]. Bekerja sendiri.

NAI : **Umur *brapo* [berapa] cikgu?**

HMZ : Umur *dio* [dia] *nam puloh* [enam puluh] [60] lah *nam puloh limo* [enam puluh lima][65] *gitu* [macamtu] lah. *Pahtu* [selepas itu] Halijoh. *Kurunge ore* [kurungan orang] panggil *namo dio loni* [nama dia sekarang] zunani. Tapi *dale* [dalam] surat *branok* [beranak] Halijoh Binti Abdul Hamid. Suri *rumoh* [rumah] *limo puloh nam* [lima puluh enam] [65] lah. *Pastu* [selepas itu] Mohd Zaim. yang ke *semile* [sembilan] [9] ini *dok* [kan]?

NAA : *Haah* [Ya]

HMZ : Mohd Z-A-I-M. 50an skarang ni. *Enginia* [*Engineer*] [Jurutera] *IR* [*Insinyur*] [Jurutera] la *duo duo* [kedua-dua] beradik tu *bulih* [boleh]- - tahuu I-R?

NAA : **Yang tinggi?**

HMZ : *Haa* [Ya] dia *bulih* [boleh] cop laa *bulih* [boleh] *soh* [sah] orang.

NAA : **IR kijo gano** [kerja macam mana]?

HMZ : IR jurutera awam. Abang *dio* [dia] pun jurutera awam *jugok* [juga].

NAI : **Kerja kat** [dekat] mana?

HMZ : *Duk wak buko sdiri* [Tengah buat pembukaan sendiri]. *Jabat dio ado* [pejabat dia ada] di TESCO.

NAA : **Nama syarikat? Tok** [tak] tahu?

HMZ : (ketawa) *Sayo kalu ado* [Saya kalau ada] kenduri baru pergi. *Tidok* [jika tidak] tak pergi. Syarikat sendiri. *Haa* [Ya] lagi?

NAA : **Status cikgu?**

HMZ : (ketawa) Datuk laa. *Atuk doh* [datuk dah]. Status datuk. Status berkawen. Isteri *sayo namo* [saya nama] Shaepah. Shaepah binti Umar. 70 - -'47- - 72. *Pastu anak* [selepas itu]- -

NAA : **Bekerja?**

HMZ : Eh *takdok* [tidak]. Suri rumah S-R.

*Anok* [anak] Mohamad Ramizu. R-A-M-I-Z-U. Bin Md Zin lah.

NAA : ***Umo brapo* [Umur berapa] cikgu?**

HMZ : *Umo dio* [Umur dia]- -tahun '67 brapo? 52. Itu *ore* [orang] panggil *apo* [apa] stesen masta *keto api* [kereta api]. *Kijo keto api* [Kerja kereta api]

NAA : ***Bawak* [Bawa]?**

HMZ : Tak. Dia jaga stesen lah. Stesen *mace* [macam] Pasir Mas *ado kei sore* [ada kan sorang] - - *duo* [dua], Razana R-A-Z-A-N-A Razana Binti Md Zain lah. Umo '70 - - *brapo* [berapa]? 49 dok? Guru, suami *dio situ* [dia disitu] lah abah *tepon* [telefon] itu. *Dio* [dio] penolong *kane* [kanan] di Tendong.

NAA : **Guru dekat mana cikgu?**

HMZ : Dulu Sekolah Rendah Ibrahim *Dua* [2]. *Pahtu* [Selepas itu]Ruhil Amani, Amani *PPD* [Pejabat Pelajaran Daerah] sekali *ngan* [dengan] abah. *PPD* [Pejabat Pelajaran Daerah] Bahasa Inggeris. *Kurunge* [kurungan] Bahasa Inggeris.

NAA : **Penolong *panje jugok* [panjang juga] la untuk Bahasa Inggeris?**

HMZ : Dia mengurus Bahasa inggeris. *Dio menengok ore* [dia memantau orang] Bahasa Inggeris, mengajar semua Bahasa Inggeris. Penyelia *ko gapo tok tahu* [atau apa

tak tahu] lah.

**NAA** : *Umo wapo* [Umur berapa] **cikgu?**

**HMZ** : '72. 49 eh 47. *Dok* [kan]? *Dei* [sempat] tulis?

**NAI** : *Haa dei* [Ya sempat]

**HMZ** : *Lepahtu* [selepas itu] Mohd Hamzabi H-A-M-Z-A-B-I *hokni* [yang ini] Mercedes ini dio bui *ni* [ini]. Dio insurans. AIA *American Insurance* - - gapo [apa]. *American Insurance* la syarikat Hong Kong ni. *Hokni sore* [yang ini seorang] balik U-S. *Ngaji* [belajar] luar negeri ini *hokni ni* [ini].

**NAI** : *Umo wapo* [Umur berapa] **cikgu?**

**HMZ** : Umur '76, 43. Nazrana N-A-Z-R-A-N-A Binti Md Zain la. '80 lahir - - *brapo, pat puloh* [berapa, empat puluh]?

**NAI** : *Tiga puluh Sembilan* [39]?

**HMZ** : *Haa* [ya] tiga puluh Sembilan 39. Bongsu. Yang itu guru Fizik Bangi Sekolah Menengah Seri Indah Bangi. Eh seri Indah Serdang. Seri Serdang. UPM la dekat dengan UPM. Bongsu Normazidah dekat. '85 lahir. Brapo?? KWSP Kumpulan *we* [wang] simpanan pekerja. Puchong. Di puchong. *Takdok dohlaa* [tiada sudah]. Cucu duo puluh empat orang [24] *semo* [semua](ketawa) *Ko keno oyak one by one* [atau kena beritahu satu per satu]? Tak payahlah.

**NAA** : **Kalau cikgu ingat sikit sikit *ko* [ke]?**

**HMZ** : Ho bulih.

*Hoo anak sulung ado limo, limo ore* [Ya anak sulung ada lima, lima orang].  
Sore jate duo tino [seorang lelaki, duaperempuan] - - *limo* [lima]- - *pat tino*  
[empat perempuan]. *Ado* [ada] gamba keluarga [gambar keluarga] saya gi - -. *Tu*  
*sayo gi* [Itu saya pergi] Turkey *bule* [bulan] *dua belas* [12] *habih keluarga*  
[habis keluarga]. Jadi *kalu* [kalau] *Ramizu ni* [ini] *Ramizu* - - *napok* [nampak]?  
(tunjuk gambar) Haji Md Zain *family trip* [percutian keluarga], Turkey, 10  
Disember hingga 17.

**NAA** : **Tahun bila itu ?**

**HMZ** : Tahun ini la. Baru 2018. Ini *tuwe* [tuan] dio -*mano* [mana] - - Ini Ramizu anak  
sulung. Jadi anak dia nya *limo*[lima] [5] - - *nok namo one by one* [nak nama satu  
per satu]?

**NAI** : **Eh takpe. Tak payah. Anak kedua itu?**

**HMZ** : Anak kedua, ini Razana cikgu Ibrahim satu sekolah rendah, Ibrahim Dua.  
Razana anak *lima* [5]. Syaima cikgu pendidikan khas di Penang.

**NAA** : **Anak ketiga *ado brapo ore anak* [ada berapa orang anak]?**

**HMZ** : *Ketigo* - - *one two three ni*[satu dua tiga] Ruhil PPD *anak* [anak] lima [5]. *Sore*  
*pue* [seorang perempuan] yang ketiga itu Fatin *gi* [pergi] Kuantan buat radiology  
buat x-ray jadi *nombo brapo pulok* [nombor berapa pula]? *Sakni* [tadi] yang

ketiga, yang keempat yang ini (tunjuk gambar) Mohd Hamzabi dia balik US boss insurance ni.

**NAA** : Anak berapa *ore* [orang]?

**HMZ** : Anok *one, two, three* [satu dua tiga], (ketawa) tiga. Ke lima Nazran cikgu Fizik ini di Bangi. Anak empat [4]. Bongsu ini (tunjuk gambar) Normazidah KWSP. Anak dua. Ini semua *ni* [ini] keluarga. Menantu, cucu, anak *pastu* [selepas itu] ada *staff* [pekerja] dia tiga *ore* [orang]. Ini buas buas *ni* [ini] *hok* [yang] kecil. *Hero* [pahlawan].

TAMAT BAHAGIAN 1

## BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

- NAA : *Okay* [Baiklah] **sekarang nak tanya cikgu tentang sejarah pendidikan cikgu, nak tahu tentang tempat belajar sekolah rendah cikgu.**
- HMZ : Saya belajar Sekolah Rendah Sekolah Kebangsaan Pasir Mas, nama dia dulu. Ini dekat dengan padang bola jadi dikenali sekarang sebagai Sekolah Kebangsaan Pasir Mas. Jadi situ saya - - 1947. Sampai darjah *nam* [enam]. *pastu* [selepas itu] masuk Sekolah Ibrahim Satu *remove* [tukar] kelas tahun '96 *LCE* [*Lower Certificate of Education*] [Sijil Pendidikan Rendah] *empat* [4] tahun - - '60 sayo masuk perikso *LCE* [*Lower Certificate of Education*] [Sijil Pendidikan Rendah]. Tahun *ne puloh* [enam puluh] ['60] *limo puloh semile* [lima puluh sembilan] [59], *limo puloh lape* [lima puluh lapan] ['58], *limo puloh tujuh* [lima puluh tujuh] ['57], *limo puloh ne* [lima puluh enam] ['56]. Tahun *ne puloh* [enam puluh] ['60] *LCE* [*Lower Certificate of Education*] [Sijil Pendidikan Rendah]. Maknanya saya masuk *skoloh* [sekolah] *situ* [disitu] tahun *ne puloh tujuh* [enam puluh tujuh] ['67] la.
- NAI : **Nak *tanyo* [tanya], *remove* [pertukaran] kelas tu *gano* [macam mana]?**
- HMZ : Kelas peralihan *ore* [orang] panggil. Maknanya belajar ikut Bahasa Inggeris. Semua Bahasa Inggeris. *Ore* [orang] panggil *remove* kelas. Bahasa pengantarnya ialah Bahasa Inggeris. Jadi *LCE ore* panggil *Lower Certificate of Education* [Sijil Pendidikan Rendah].

**NAA** : **Kira semua subjek itu Bahasa Inggeris la?**

**HMZ** : Semua Bahasa Inggeris la tinggal Bahasa Melayu *ngan* [dengan] *ugamo* [agama] jah. Itu *ore* [orang] panggil *remove* [peralihan] kelas. Saya rezeki la nasib baik, *bulih* [boleh] naik *tingkate pat* [tingkata empat] *maso* [masa] tu saya dapat P *ore* [orang] panggil P Promotion ini naik kelas lah. Jadi LCE [*Lower Certificate of Education*] [Sijil Pendidikan Rendah] ni *kalu tok pass* [kalau tidak lulus] Inggeris *tokleh* [tidak boleh] naik kelas. *Keno perikso* [kena peperiksaan] semula. *Kalu tok lepas gak dio* [kalau tidak lulus juga dia] di - - *bue* [buang] lah. Jadi saya clear [lulus] selepas itu memandeke [memandangkan] adik bradik saya ramai *semile* [sembilan] beradik, saya ini nombor *duo* [dua] yang lain *duk* [sedang] belajar lagi, *ore* [orang] tua saya nasihat pergi maktab lah, saya *mitok* [mintak] maktab guru, masa tu maktab LCE [*Lower Certificate of Education*] [Sijil Pendidikan Rendah] bulih sijil jah takpo doh. Saya bulih P, P Promotion PL Promotion Limited, C certificate, *tiga* [3] tangga masa tu, jadi saya *bulih* [dapat] P, saya duduk *tikate pat* [tingkatan empat], *pat bule* [empat bulan], selepas itu saya *mitok* [mintak] maktab *bulih* [dapat] lah. Masa tu *ore bulih* [orang dapat] C pun *bulih doh* [boleh dah] maktab. Masa dulu *takdok* [tiada] - - *bulih* [dapat] Raub. Maktab *ore* [orang] panggil Maktab Perguruan Raub di TC Raub, di Training Center Pahang, 1961, 1963.

**NAA** : **Tiga tahun?**

**HMZ** : *Ha*. [Ya] Tiga [3] tahun. Selepas itu lulus situ jadi cikgu lah, mengajar di Sekolah Kebangsaan Becah Laut Tanah Merah, pusing pertama.



NAI : **Becah?**

HMZ : Ha. B-E-C-A-H, Becah laut. Nama tempat *takleh uboh* [tidak boleh ubah].  
*Kemudie* [kemudian], *duk situ limo taun* [duduk disitu lima tahun] tukar ke  
Meranti, *dale* [dalam] Meranti - -

NAA : **Tahun bila tu cikgu Meranti?**

HMZ : *Nati* [sekejap] – saya masuk saya *perikso* [periksa] MCE *Malaysian Certificate of Education* [Sijil Pendidikan Malaysia] *ore* [orang] panggil *kei* [kan], dulu pengantar Inggeris MCE *Malaysian Certificate of Education* [Sijil Pendidikan Malaysia] tahun '65, ambik paling *debet dohtu* [rendah dahtu], *tubik namo* [keluar nama] saya *dale* [dalam] surat kabar *bulih nombo tigo* [dapat nombor tiga], *tubik dale* [keluar dalam] surat *koba* [khabar]. *Maso* [Masa] itu baru *nikoh* [nikah], *kalu tubik* [kalau keluar] surat *koba* [khabar] itu *yolah* [betul lah] gred *tigo*[tiga] [3] pun takpo doh.

NAA : ***Kiro maso* [kira masa] itu gred *tigo* [tiga] [3] *bulih* [boleh] masuk surat *koba***

HMZ : **[khabar] blako?**

Surat *koba* [khabar] tu *ore pass* [orang lulus] la, dulu *tok tubik* [tidak keluar] *kalu tokleh* [kalau tidak dapat] gred, selepas itu saya ambik H – STPM, STPM masa duduk di Meranti, masa ngajar di sekolah Kebangsaan Meranti *lima* [5] tahun *tak* [tidak] sampai lah, ambil STPM. Jadi *tidok* [tidak semestinya] sijil penuh pun *memey layok* [memang layak] masuk *U* [Universiti] sebab saya

*general paper* [Peperiksaan am] Bahasa Inggeris saya *buleh* [boleh]. *Principle* [Prinsip] Bahasa Melayu, *satu* [1] *principle* [prinsip] sejarah, *dua* [2] *principle* [prinsip] *satu* [1] GP. Dah masuk *U* [Universiti] - *-Doh dale* [kerana dalam] surat *koba tu dio oyak* [khabar itu dia beritahu]- - *bulih qualify* [boleh kelayakan] untuk *azioyo hokni* [yang ini], saya *mitok* [mintak] *ne puloh semile* [enam puluh sembilan], *tokleh gi* [tidak dapat] sakit kaki, dapat *U* [Universiti]- - tahun '70 *mitok pulok bulih* [minta pula dapat], tahun '70 masuk UM.

**NAA** : **UUM [Universiti Utara Malaysia]?**

**HMZ** : *UM*. Universiti Malaya, *takdok* [tidak ada] lagi universiti lain *maso* [masa] itu, *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] *takdok* semo *takdok* [tiada semua tiada] lagi, 1970, sesi 1970, '71, masuk *UM* [Universiti Malaya].

**NAI** : **UM tu ambil *kos gapo* [kursus apa]?**

**HMZ** : Ambil *kos* [kursus] Bahasa Melayu bidang Linguistic, bidang bahasa, tatabahasa, sebab cikgu ni *keno* [kena] ambil *hok kementeriye* [yang kementerian] lulus, *nok tubik nok* [nak keluar nak] jadi cikgu *kei nok* [kan nak] ngajar bahasa linguistic ni, jadi '73 graduate, *mulo mulo* [Mula-mula] mengajar di sekolah menengah Sekolah Dato' Mahmud Tanah Merah, SM Dato' Mahmud Paduka Raja, 1973 *hinggo* [hingga] 1979, pahtu - -SM Meranti 1980, '79, '80 *dok* [kan] ? Dua [2] tahun sampai *lape puloh satu* [lapan puluh satu] ['81] *dok* [kan], *pastu* [selepas itu]- tukar demo ke sekolah Mahmud Mahyidin, Sekolah menengah Mahmud Mahyidin Pasir *Peke* [Pekan], *semile belas lape puloh duo*,

[sembilan belas lapan puluh dua] [1982] *pahtu* [selepas itu] *semile belas lape tigo*[Sembilan belas lapan puluh tiga] 1983 balik SIS pasal mirtual sogok *nok samo nok* [nak sama nak], balik SIS [Sultan Ibrahim Satu] mengajar ayoh [ayah] (ketawa), *dei* [sempat] mengajar *ayoh* [ayah] tahun *semile puloh limo* [sembilan puluh lima][‘95].

**NAA** : **Berapa tahun mengajar SIS cikgu?**

**HMZ** : Eh lama, *lape belah* [lapan belas] tahun, *tingkate ne* [tingkatan enam] [6], *lape belah* [lapan belas] tahun sini mengajar, *lamo* [lama], *anok* [anak] murid saya lah, abah, Hasanudin *ore* [orang] besar polis tu *anok* [anak] murid blako [semuanya]. *Gapo* [apa] lagi?

TAMAT BAHAGIAN 2

### BAHAGIAN 3: SEJARAH PEKERJAAN

NAA : Apakah *pekerjae* [pekerjaan] cikgu selepas *zame persekolohe* [zaman]?

HMZ : Selepas *zame persekolohe* [zaman persekolahan] jadi guru, pendidik.

NAA : Jawatan yang pernah cikgu pegang semasa berkhidmat sebagai guru?

HMZ : Saya *pegei* [pegang] sebagai guru kanan lah, guru kanan sains sosial, sebab *ore* [orang] *nok* [nak] bagi pengetua saya *tokse* [tidak mahu], sebab gaji *dio* [dia] panggil *time-based* [berpandukan masa] *kei* [kan], *mulo tok* [mula-mula tidak] jadi, jadi besar banyak tu *jugok* [juga], *tok* [tidak] jadi cikgu besar pun *banyok* [banyak] tu *jugok* [juga], baik *bulih* [dapat] tidur tengahari (ketawa), guru *kane* [kanan] sains sosial.

NAA : Ini masa kat SIS la?

HMZ : Masa di Meranti penolong kanan. Sekolah Menengah Meranti jadi penolong kanan.

NAA : *Kalu kat ni* [kalau dekat sini], Sekolah Dato' Mahmud?

HMZ : *Ha* [Ya] *biaso* [biasa]. Cikgu *biaso* [biasa] (suara isteri HMZ).

NAA : *Kalu sekolah kat* [Kalau sekolah dekat] Mahmud Mohyidin?

HMZ : *Biaso* [biasa], guru *biaso* [biasa].

NAI : Cikgu, *brapo lamo* [berapa lama] cikgu *pegei jawate* [pegang jawatan]

HMZ : sebagai penolong *kane* [kanan] sains sosial kat SIS?

Lebih *kure* [kurang] *limo* [lima] [5] tahun lah, empat [4] tahun gitulah, Meranti *duo* [2] tahun.

NAA : Pernah cikgu diminta untuk berkongsi maklumat tentang sejarah *bangune* [bangunan] sekolah kepada mana-mana pihak?

HMZ : *Tak* [tidak] pernah.

NAA : *Kitore first* [Kami pertama]?

HMZ : *Ha* [Ya] pertama.

NAA : *Gapo keistimewaae* [Apa keistimewaan] cikgu selepas dilantik sebagai guru *kane* [kanan], sebagai penolong *kane* [kanan]- -

HMZ : *Takdok* [tiada] istimewa lah *memey* [memang] tanggungjawab besar sikit lah, buku rekod cikgu saya *sign* [tanda tangan], buku kemajuan murid *dio* [dia] *bagi* [bahagi-bahagi] la (bunyi sudu), untuk guru *kane* [kanan] itu semua *pakat* [sama-sama] *sign* [tanda tangan] la *kei* [kan].

NAI : Pencapaian dan pengiktirafan yang diperoleh sepanjang bergelar guru?

HMZ : *Takdok* [tiada] , anugerah *cemerle* [cemerlang] *jabate pendidike* [Jabatan Pendidikan] lah *bui* [buang], yang penting - - *bilore* [bila orang] bersara *dio*

*bui* [dia bagi] lah, tapi saya mengajar bahasa *tingkate ne* [tingkatan enam], satu [1] masa didatangi oleh seluruh PPD [Pejabat Pelajaran Daerah] Selangor, PPD [Pejabat Pelajaran Daerah] Selangor datang memerhati saya mengajar, gelap, *ado dale pat belah, ne belah ore* [ada dalam empat belas, enam belas orang] wakil PPD [Pejabat Pelajaran Daerah] Selangor, saya mengajar Bahasa Melayu, masa bahasa melayu masa tu *rumuse* [rumusan], bahan petikan nya akhbar, rujukan - -, *dale* [dalam] akhbar ni - - saya *kerate* [keratan] saya bagi ke *budok pastu* [budak selepas itu] saya *terey* [terangkan]. *Limo* [lima] belas [15] *ore* [orang] daripada PPD [Pejabat Pelajaran Daerah] Selangor pernah memerhati saya mengajar dan minta contoh contoh, dia *ambik* [tangkap] gamba.

**NAA** : **Tahun bila tu cikgu?**

**HMZ** : Masa tu tiga [3] tahun *nok* [nak] pencen *doh* [dah].

**NAI** : **Cikgu pencen tahun bilo?**

**HMZ** : '95, ha itulah *sejarah nyo* [sejarahnya], gelap *blake* [belakang] tu, *budok tingkate ne* [budak tingkatan enam] pikir ah - -, sebab *dio nok* [dia nak] tengok saya cara *pendekate* [pendekatan] saya.

**NAA** : **Pengalaman semasa bekerja? Pengalame pahit ko pengalame manis ko - -**

**HMZ** : (ketawa) *yelaa* [ya] guru ini guru memang *satu* [1] tugas - - *ore* [orang] panggil *noble* [mulia] tugas bersih, tugas - - *noble profession* [pekerjaan mulia] maknanya tugas tanggungjawab besar tidak ada *ganjare* [ganjaran] apa semua

guru *kei* [kan]? Guru sengaja - - guru *memey* [memang] dedikasi pada *kijo* [kerja] untuk melahirkan pelajar-pelajar yang *cemerley* [cemerlang], itu jah *cabare* [cabaran], jadi bila peratus prestasi rendah, guru la *ake* [akan] dibaca, *kalu* [kalau] prestasi tinggi, ditinggal- tinggalkan (ketawa), *kalu* [kalau] rendah di ambik perhatian, kalu prestasi tinggi acah tak acah je buat *tak* [tidak] tahu, itu tugas cikgu, noble [mulia], tugas yang bersih guru ni, guru *memey* [memang] - - kebanggaan guru adalah anak murid dia berjaya , itu *je* [saja], *takdok* [tiada] niat lain, sebab *pernoh* [pernah] saya *make* [makan] *mano-mano* [mana-mana] , *ore* [orang] ini *blanjo* [belanja] *kejap*, *ore ni blanjo* [orang ini belanja], “eh cikgu, kita belanja” mana-mana pergi pun *ado jah ore* [ada saja orang] belanja, itulah tindak-tindak balas *anok* [anak] murid, *ado* [ada] yang datang kesini bawa vitamin, bawa apa, kain, bagi hadiah kenang ke cikgu, *dio* [dia] sekarang ni dia mengajar di Machang, saya *kenei* [kenang] cikgu tu, pasal *ore* [orang] itu *Manager bank* [Pegawai bank], *jupo* [jumpa] saya mana-mana pun, kalu Kuala Lumpur dia la *laye* [layan] saya walau di mana-mana pun, tanah merah, *manager bank dua puluh ribu* [20,000] lebih gaji *dio* [dia], mana kejayaan cikgu satu kebanggaan lah, sebab itu *ore* [orang] panggil N-O-B-L-E *noble profession* [pekerjaan mulia], satu tugas yang terhormat lah, terhormat cara sendiri, jadi pahit mahu pun, *lagutu* [macam itu] lah kito melalui asam garam dalam guru, pahit mahu, bila prestasi tinggi dijulang, prestasi rendah diabaikan (ketawa), macam tu lah.

**NAA** : *Bakpo* [Mengapa] cikgu pilih *nok kijo* [kerja] sebagai guru?

**HMZ** : Sebab niat nak mendidik lah, nak - - supaya apa orang panggil *input* [pengisian] dia itu *output* [hasil] nya lumayan amat berhasil lah, *input* [pengisian] yang dicurahkan oleh guru itu dapat *output* [hasil] yang baik – sebab anak saya pun warisan - - mewarisi guru *jugok* [juga], *tigo*[tiga][3] empat orang, jadi - - *holah* [iyalah] pendidikan sepanjang masa, bilo kito [bila kita] tengok *anak pranga* [anak perangai]- - *kito* [kita] dapat tahu perangai di sekolah *ni* [ini], *kito* [kita] dapat *tackle* [kawal] lah.

### TAMAT BAHAGIAN 3



#### BAHAGIAN 4: SEJARAH BANGUNAN

- NAI : Tadi itu pasal diri cikgu, *ni* [ini] baru nak masuk pasal sejarah *bangune* [bangunan] sekolah tu, sejarah *bangune* [bangunan] itu nak tahu, bila *bangune* [bangunan] itu ditubuhkan?
- HMZ : ‘57 tu saya baru masuk belajar, *sekoloh* [sekolah] itu Sekolah Menengah Sultan Ibrahim *Satu* [1] ini, dia dikenali dulu sebagai *sekoloh* [sekolah] - - ‘47 lagi *social malay* [melayu sosial] kelas dipanggil kelas melayu khas *pahtu* [selepas itu] lepas ‘57 tu, *sekoloh* [sekolah] *rumoh* [rumah] padi, ini *blake* [belakang] *ni* [ini] *rumoh sayo* [rumah saya], *dio* [dia] *baloh* [baruh] padi Jepun, *panje* [panjang] untuk Jepun *sipe* [simpan] padi untuk musim *kecemase* [kecemasan] apa semua. Bila Jepun kalah, dia dijadikan sekolah *rumoh* [rumah] padi. Lepas *pado* [pada] itu, *semile puloh tujuh* [Sembilan puluh tujuh] [‘97] *pindoh* [pindah] ke sekolah baru dikenali dengan *sekoloh* [sekolah] Sultan Ibrahim *School* [sekolah], Pasir Mas. Ambik *namo rajo apo* [nama raja apa] -- Sultan Ibrahim. Masa itu saya masuk nya. *Ore tok* [orang letak] tahi la *mace-mace* [macam-macam]. *Skoloh Kristiye kei* [sekolah kristian kan] dia panggil (ketawa). *Lepah* [selepas] pada tu *nok* [nak] dia pecah-pecah. *Lepastu* [selepas itu] dia pecah *ne* [enam][6] puluh *satu* [1] pecah *sekoloh rendah sekoloh menengoh* [sekolah rendah sekolah menengah]. Jadi *sekoloh menengoh* [sekolah menengah] jadi Sekolah Sultan Ibrahim *Secondary School* [sekolah menengah], Pasir Mas. *Lepastu* [selepas itu] *ne* [enam] puluh tujuh, *alire* [aliran] sastera dibuko ne puluh tujuh. Pastu tutup balik kerana tiada kemudahe. Semile belas ne puluh *semile*. Sekolah Menengah Ibrahim Satu dan Sekolah Menengah Ibrahim

Dua. Sembilan belas ne puluh tujuh, ditutup kerana tiada kemudohe sesuai untuk mereka. Oleh itu pelajar-pelajar ye layok ke tingkatan empat dipindah ke Sekolah Menengah Menengah Ismail Petra, Kota Bharu. Semile belahne puluh tujuh dipecah pulok pecah dua, satu Sekolah Menengah Sultan Ibrahim Satu dan satu lagi Sekolah Menengah Sultan Ibrahim Dua. Ni sekare ni. Pahtu tikate pat alire sastera sebagai bahasa pengantar, *semile belas tujuh puluh lape* [Sembilan belas tujuh puluh lapan] [1978]. *pahtu* [selepas itu] *pecoh-pecoh* [dipecah-pecah] la *tujue* [tujuan] menampung pelajar *tingkate limo* [tingkatan lina] [5] yang layak menyambung *pelajare* [pelajaran] ke tingkatan - - dia hantar ke tanah merah, Pasir Mas, buka semula pahtu pecahan itu ke Sekolah Menengah Perempuan, Sekolah Menengah Meranti, dan sebahagian lagi Sekolah Menengah Bunut Susu. *Pecahe-pecahe* [pecahan-pecahan] daripada itu.

- NAI : *Nok tanyo* [nak tanya], *sekoloh* [sekolah] SIS ini ada *brapo* [berapa] blok ?  
 Blok *bangune* [bangunan] tu .
- HMZ : (mengira) - - dua blok *jah* [saja]. Blok ni satu, blok ni satu *maso* [semasa] *ore putih* [orang inggeris] lagi *duo* [dua] blok. *Depe* [depan] tu ada pejabat. Depan jalan. *Satu* [1] blok. *Satu* [1] blok *lente* [melintang] *gitu* [begitu]. Pastu *blake* [belakang] tu blok asrama lah. *Mace sekare* [macam sekarang] ni pun *ado* [ada] asrama *kei* [kan]. Mula-mula asrama tu tak ubah tu. Dia dibesarkan lah. *Dewe* [dewan] tu takdok [tiada] lagi.

- NAI : Tujuan asal tu *mulo-mulo* [pada mulanya] tu *memey dio tujue dio* [memang tujuannya] buat *skoloh* [sekolah] la?
- HMZ : *Memey tujue nyo* [memang tujuannya] *sekoloh menengoh* [sekolah menengah] Ibrahim *satu* [1] tu bentuknya ala-ala penjajah. Dia *bangune* [bangunan] tu *lube-lube* [lubang-lubang] tu. *Lube-lube* [lubang-lubang] masuk *udara* [udara]. *Satu* [1] kelas *ado duo lube* [ada dua lubang]. Lubang ni. *Seming* [simen] ni. Kipas ni bawah ni tak payah la. Tiap-tiap kelas ada lubang, ada udara. Itu makna nya ala *colonial* [penjajah] lagi lah *bangune* [bangunan] tu, mirip *colonial* [penjajah]. *Pastu* [selepas itu] sekarang ni kipas, *air cond* [penghawa dingin] *dohla* [sudah]. Tujuan asalnya adalah *colonial* [penjajah] sebab *ado ore* [ada orang] panggil sisi-sisi angin apa - - *ventilation* [pengudaraan] angin jadi lubang-lubang *gitu* [begitu]. *Loni* [sekarang] jadi *air cond* [penghawa dingin] *doh* [dah] kipas.
- NAA : *Kalu* [kalau] cikgu ingat, tahun bila *bangune skoloh* [bangunan sekolah] siap dibina?
- HMZ : *Semile belas semile puloh tujuh* [Sembilan belas Sembilan puluh tujuh] [1997], awal tahun dipindah ke sekolah baru. *Namo* [nama] sekolah Inggeris kerajaan tukar jadi Sekolah Menengah Sultan Ibrahim *Satu* [1].
- NAA : Tahun *dirasmike* [dirasmikan] pun *semile belas semile puluh tujuh* [Sembilan belas semilan puluh tiga] [1993]juga?
- HMZ : Lebih kure la. Bila mari ambik sempena raja ni. Saya tak ingat rasmi bila nya.

Pasal rajo Sultan Ibrahim ni sultan kelantan, Sultan Ibrahim Ibni Sultan Muhammad ke *empat* [4], *semile belas ne puloh* [Sembilan belas enam puluh] [1960]. Jadi masa tu mungkin dirasmi.

**NAA** : **Masa cikgu mnengajar kat SIS ni, siapa pengetua masa tu?**

**HMZ** : *Banyok* [banyak] la. *dio* [dia] *mulo-mulo* [mula-mula] pengetua *nyo* [nya] Ustaz Alwi. Dia ustaz sebenarnya. *Tubik* [keluar] Mesir jadi pengetua.

**NAA** : **Tahun bila tu cikgu? *Kalu* [kalau] cikgu ingat.**

**HMZ** : Ustaz Alwi, '83, '84 *jah* [saja] *dio* [dia]. *Tak* [tidak] lama *dua* [dua] tahun *jah* [sahaja]. *Pahtu datey* [selepas itu datang]- - didatangi oleh Cikgu Hussin Ahmad, pengetua. Arwah dah ni. Cikgu Hussin Ahmad banyak tahun *jugok* [juga], sekitar, '84, '85, '86. *Lepas* [selepas] itu didatangi Puan Hasnah pengetua, Hasnah Sulaiman [Sulaiman]. *Banyok* [banyak] tahun dia tu. Pat limo tahun jugok tu. Lepastu baru - - cikgu Wan Ali. Pengetua Wan Ali daripada *ore* [orang] Kutey. *Tiga* [3] tahun lah. *Lepastu* [selepas itu] didatangi oleh pengetua Abdul Aziz Haji Abdullah. *Sapa* [sampai] lah saya bersara dia pun bersara.

**NAA** : ***Taun brapo* [tahun berapa] cikgu?**

**HMZ** : *Semile belas semile puloh lape* [Sembilan belas Sembilan puluh lapan] [1998].

- NAA** : **Masa cikgu berkhidmat tu, berapa had *bilange* [bilangan] pelajar untuk setiap kelas.**
- HMZ** : *Tiga puluh* [30] lebih. Tiga puluh tiga [33]. *Tingkate ne* [tingkatan enam]. Tiga [3] perempuan. Tiga puluh [30] lelaki. Jantina taburan memang macam tu dah. Saya yang menyusun kelas. Ada *enam* [6] kelas taburan jantina nya tiga puluh [30] perempuan, tiga [3] lelaki. Jadi *enam* [6] kelas tu mungkin lapan belas [18] lelaki. Penyalurannya daripada Sekolah Menengah Meranti dan Sekolah Menengah Rantau Panjang. Kita tahu lah. Jadi kita *tak* [tidak] boleh buat lebih dah, *kalu pat ore* [kalau empat orang], tigo ore [tiga orang].
- NAI** : ***Bakpo gitu* [mengapa begitu] cikgu?**
- HMZ** : *Doh* [dah] jantina *tabure rama hok tino* [taburan ramai yang perempuan]. [ketawa] *hok tino* [yang perempuan] ramai, *loni* [sekarang ni] pun awak tengok ramai *hok tino* [yang perempuan]. *Dok* [kan]? Masuk *ngaji* [belajar] UiTM, *tino* [perempuan] ramai *dok* [kan].
- NAI** : **Masa mula-mula buat tu, peralate sekolah [peralatan sekolah] cukup ke *dok***
- HMZ** : **[tidak]? *Macei* [macam] kerusi meja.**
- Kalu* [kalau] dari segi *kemudehe skolah* [kemudahan sekolah] tu cukup. Kerusi meja kipas *pape hite* [papan hitam] semua tu *memey* [memang] la cukup. Nak *kato* [kata] *tok* [tak] cukup pun *tok* [tak] kena *mugo sekolah* [sebab sekolah] di bandar *kei* [kan]. *Sekoloh* [sekolah] pusat.

NAA : Dari mana dana *hok* [yang] diperolehi untuk *menyediake kemudahe* kepada para pelajar ni?

HMZ : Dana, *takdok* [tiada] dana. *Bahagiye* [bahagian] ni dana adalah dana Kementerian Pendidikan Malaysia. Sepenuhnya. Sekolah bantuan penuh oleh kerajaan, *buke* [bukan] sekolah swasta, *buke* [bukan] sekolah semi, *dok* [tidak]. Sekolah bantuan penuh oleh kerajaan. Jadi semuanya dana daripada kerajaan lah. *Peruntuke tahune ado* [peruntukan tahunan ada] mari *nak-nak* [tiap-tiap] tahun.

NAA : Adakah *bangune* [bangunan] sekolah tu pernah di ubah suai?

HMZ : Ditokok tambah. Bergantung pada *perkembange* [perkembangan] pelajar. Mestilah *bangune* [bangunan] sentiasa ditokok tambah bergantung pada jumlah pelajar yang bertambah.

NAA : *Kalu* [kalau] cikgu tahu *bangune* [bangunan] tu diperbuat daripada apa?

HMZ : Daripada itulah - *-semin* [simen], *jokong* [bata].

*Kalu bentuk bangune* [kalau bentuk bangunan] tu *gano* [macam mana] cikgu?

Bentuk ala sekolah *jah* [saja]. Satu plan *jah* [saja] seluruh Malaysia ni. Dulu tidak ada *dua* [2] tingkat. Sekarang ni - -

NAA : Dulu *satu* [1] tingkat?

HMZ : *Ha* [Ya] dulu *satu* [1] tingkat jah [saja]. Tahun 1947 sampaila '57 pun '67 pun satu [1] tingkat jah. Lepas pada tu bila *perkembange* [perkembangan] tu jadi

bertingkat-tingkat. Semua *sekoloh* [sekolah] bantuan penuh kerajaan bertingkat *dua* [2] tingkat *tiga* tingkat. *Terkemudiye* ni *tigo* tingkat.

NAA : *Kalu* [kalau] cikgu tahu dari *mano behe* [mana bahan] nak buat *bangune* [bangunan] tu diperolehi?

HMZ : *Kerajae* [kerajaan] keluar tender. *Kementeriye Pendidike* [Kementerian Pendidikan] keluar tender. Tender tu diambil oleh kontraktor, pemaju. Kontraktor tu *supply* [salur] barang di *on kos* [bayar] oleh kerajaan. Kerajaan bantu, beri wang. Kontraktor beli bahan. Kontraktor buat sekolah kemudian tuntutan daripada kerajaan wang tu. Bila bantuan penuh, *sebare* [sebarang] tender, sebarang *tokok tamboh sekoloh* kerajaan beri peruntukan. Bila kontraktor tu dapat, kontraktor buat, *Kementeriye* [Kementerian] Pendidikan bayar. Itu lah berterusan. Sampai sekarang ni pun mungkin begitu *doh*[dah]. Jadi *takdok* [tiada] dana lah. *Kalu* [kalau] dana ni sekolah [sekolah] swasta. Ni bantuan penuh *kerajae kei* [kerajaan kan]. *Takdok* [tiada] dana *doh* [dah]. Sebab di pejabat *pendidike* [pendidikan] tu ada *bahagiye pembangune* [bahagian pembangunan]. Satu Jabatan di pejabat pendidikan *ado bahagiye pembangune sekoloh* [ada bahagian pembangunan sekolah]. *Jabate Pembangune Sekolah* [jabatan pembangunan sekolah]. *Jabate* [jabatan] ini lah bertanggungjawab untuk *tokok tamboh sekoloh nyo* [tambah sekolah nya]. Ubah suai *sekoloh*, [sekolah] buat *bangune* [bangunan] baru.

- NAA : Berapa kos *pembinæ bangune* [pembinaan bangunan]?
- HMZ : Tu tertakluk pada harga barang. Tertakluk kepada harga barang naik turun barang.
- NAA : *Kalu kemudahe dale bangune tu gapo eh* [kalau kemudahan dalam bangunan tu apa ya]?
- HMZ : *Kemudahe* [kemudahan] tu telah *dispesifikasike* [dispesifikasikan] oleh *Kementeriye Pendidike* [Kementerian Pendidikan]. Tandas tu *memeyla* [memang la]- - cara asas *nyo* [nya] *kemudahe nyo* [kemudahannya] lengkap lah. Tandas, tempat *permaine* [permainan] apa semua tu. *Permaine dalame* [permainan dalaman], *indoor game* [permainan dalaman] ping pong, permainan dalam lah. Permain lua *pade* [padang] bola apa semua. Dewan badminton apa semua *dalame* [dalaman].
- NAA : *Ado dok* [ada tak] penaja *hok sumbey* [yang sumbang] kepada *penubuhe bangune sekoloh* [penubuhan bangunan sekolah] *SIS* [Sultan Ibrahim Satu].
- HMZ : *Kalu* [kalau] penaja masuk pun masuk *kot Persatue* [melalui Persatuan] Ibu Bapa dan Guru. PIBG. Jadi orang-orang yang berada, bernama dia salur *kot* [melalui] *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru]. *Ado jugok* [ada juga] sumbang *khoh* [khas] daripada luar pun, melalui *sekoloh* [sekolah].



- NAA : Melalui *sekolah tu gano* [sekolah tu macam mana] cikgu? *Macei* [macam] bagi *ko* [kepada] pengetua *sekolah ko gano tu* [ke macam mana tu]?
- HMZ : Eh *dok* [tidak]. *Bukei* [bukan] melalui pengetua. *Dio peruntuke* [lanya peruntukan] bagi *ko skolah* [kepada sekolah], yang bertanggungjawabnya pengetua. Dia yang menerimanya dan sekutu-sekutu dia lah. Penolong *kane* [kanan] apa semua. Dan anak buah dia lah. *Tak* [tidak] semestinya sekutu.
- NAA : Pernah dok [tak] *peralate-peralate dale sekolah* [peralatan-peralatan dalam sekolah] tu mengalami *kerosake* [kerusakan].
- HMZ : Biasalah.
- NAA : Dan apa sebab?
- HMZ : Sebab mungkin faktor usia, faktor kemanusiaan, *budok-budok* [budak-budak] nakal ganas. Faktor kemanusiaan budak-budak kelas-kelas yang dianggap apa *kebelakange kei* [terbelakang kan], memanglah *bare* [barang] *tak tehe lamo* [tidak tahan lama]. *Kalu* [kalau] kelas-kelas *okay* [elok], *okay* [elok] lah. Faktor usia, faktor gangguan pelajar lah.
- NAA : Berapa jumlah guru yang berkhidmat bersama cikgu sebelum bersara?
- HMZ : Eh ramai. *Tak perase* [tidak perasan]. Seratus [100] lebih. 120 lebih kurang lah. Sebab dia ada sesi pagi dan petang. Sesi petang *afternoon class* [kelas petang] dia ada penyelia petang. Disitu ada la 30, 40 guru. *Belah* [sebelah] pagi lah ramai nya. Sesi pagi. Bila jumlah pelajar ramai, dia *pecoh* [pecah]. Tingkatan

*satu* [1] dan *dua* [2] sesi petang. Tingkatan *tiga* [3] *empat* [4] *lima* [5] sesi pagi. Adakah tugas guru ni *bezo* [bereza] mengikut *jawate* [jawatan]?

Ha yela. *Memey* [memang] berbeza *satu* ikut *keluluse* [kelulusan] - -ikut *option* [pilihan] mengajar. Pilihan mengajar *kito* [kita], kita mengajar *gapo* [apa]. Kito *graduate pengajiye* melayu mengajar bahasa. *Ore graduate history*, ngajar *sejarah*. *Ore* [orang] Sains Fizik mengajar itu. Jadi perubahan-perubahan itu tertakluk pada skop bidang pengajian guru. Perubahan pun dia *tak* [tidak] melebihi. Kalu guru sejarah *tak panda nok ngajar* [tidak pandai hendak mengajar] Fizik. Jadi maknanya perubahan *ado* [ada] tapi lingkungan kelulusan guru-guru itu. Bidang kelulusan yang dia mengajar. Dia masuk di *U* [universiti] dan bidang dia mengajar pun sama lah. *Kalu* [kalau] guru sejarah dia balik ngajar [mengajar] sejarah tingkatan *enam* [6], tingkatan *lima* [5].

**NAA** : **Luas tanah tu berapa? Brapa ekar.**

**HMZ** : *Dale* [dalam] *lima* [lima] ekar *bulih* [boleh] campur asrama campur dewan.

*Kalu* [kalau] luas *bangune* [bangunan] cikgu?

*Payoh nok kato* [susah nak cakap] luas *bangune* [bangunan] tu. *Bangune* [bangunan] tu pun strategik dia ikut- - *kalu dok* [kalau tidak] membazir dewan.

Dewan, *padey* [padang] *kalu* [kalau] tidak *bulih guno dok* [boleh guna kan] yang ni *bangune* [bangunan]. *Bangune* [bangunan] separuh, separuh daripada lima [5] ekar tu sebab separuh itu dia buat dewan, dia buat *pade permaine* [padang permainan], bola, asrama. Separuh bangunan. Separuh lagi untuk aktiviti-aktiviti *sekoloh* [sekolah] lah. Padang, dewan dan penghuni asrama. *Tigo* [tiga] [3] tu.

*Tigo* [tiga] [3] kategori jah. *Takdok doh hoklain nyo* [Tiada dah yang lainnya].

NAA : *Anggare* [anggaran] masa *bangune* [bangunan] tu dapat *bertehe* [bertahan]?

HMZ : 57 ni, masih *ado* [ada] lagi warisan *tinggale-tinggale dio* [tinggalan-tinggalannya]. 60 tahun tu masih ada lagi *tinggale-tinggale* [tinggalan-tinggalan] yang tidak dirobuhkan. *Sekare* [sekarang] ni *bangune* [bangunan] yang baru tu *bangune* [bangunan] yang bertingkat-tingkat dah. Paling *maximum* [paling tinggi] *tiga* [3] tingkat.

NAA : *Kalu* [kalau] cikgu tahu *bilu* [bila] *bangune* [bangunan] baru tu *ditubuhke*

HMZ : [ditubuhkan]?

Bila jumlah pelajar *bertambah* [bertambah]. Tahun 80an jumlah pelajar bertambah.

NAA : *Sapo hok bertanggungjawab* [siapa yang bertanggungjawab] ke atas *keadae*

HMZ : [keadaan] fizikal *bangune* [bangunan] tu.

